

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N52 BANTING)**

**TAJUK : KEHADIRAN AHLI MAJLIS**

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kehadiran setiap Ahli Majlis bermula 1 Jan hingga 30 Jun untuk setiap seorang Ahli Majlis MDKL serta butiran terperinci kegunaan peruntukan masing-masing?

**JAWAPAN:**

a)

<b>KEHADIRAN AHLI MAJLIS SEPANJANG BULAN JANUARI HINGGA JUN</b>							
<b>BIL</b>	<b>NAMA PENERIMA ELAUN</b>	<b>JAN</b>	<b>FEB</b>	<b>MAC</b>	<b>APR</b>	<b>MEI</b>	<b>JUN</b>
1	Yang Dipertua	6/12	10/14	9/10	13/14	11/11	12/12
2	YDM Tengku Mohamed AlHaj bin Tengku Harun	8/8	7/9	6/8	7/10	6/6	5/5
3	En. Wong Kim Loon	5/5	7/7	6/6	6/6	6/6	5/5
4	Cik Ang Lee Yong	5/5	6/6	6/6	5/6	4/5	5/5
5	En. Ang Eu Liang	6/6	6/6	7/7	7/7	5/5	5/5
6	En. Rosdi bin Meor Endut	8/8	9/9	6/9	6/9	4/7	4/5
7	En. Nadasan a/l Subramani	2/3	3/4	5/6	4/4	3/4	5/5
8	En. Mat Irwan bin Ismail	4/5	5/6	5/8	3/6	5/6	4/4
9	En. Haridass a/l Ramasamy	0/4	3/5	4/7	1/6	1/4	1/5
10	En. Gan Yee Chin	4/4	4/4	5/5	5/5	4/4	4/4
11	En. Teh Eng Teck	3/5	2/5	2/4	4/5	5/5	4/4
12	En. Lim Tou Yih	4/4	3/4	6/6	4/4	6/6	4/4
13	En. Mohd Afiq bin Mohd Tuniman	1/3	3/4	3/5	4/4	4/5	3/3
14	En. Munusamy a/l Erishin	1/3	3/3	4/4	4/4	4/4	3/3
15	En. Razali bin Ahmad	5/5	4/4	5/5	4/4	5/5	4/4
16	Pn. Nor Aishah binti Abdul Majid	3/4	4/4	4/5	5/5	5/5	3/4
17	En. Hamzah bin Abu Bakar	8/8	8/8	4/10	6/8	9/9	6/6
18	En. Sethupathy a/l Subramaniam	3/3	4/4	5/5	4/4	5/5	4/4
19	En. Baharudin bin Misran	4/4	4/5	3/4	4/5	6/6	4/4
20	Pn. Rahimah binti Harun	4/4	4/4	1/2	5/5	4/4	3/3
21	Pn. P.Umananthini a/p Gnanapragasam	2/3	4/4	2/2	4/4	3/3	3/3
22	En. Low Kok Hua	4/4	5/5	3/3	5/5	4/4	4/4
23	Pn. Norhaninawati binti Mohd Yusof	3/3	3/5	0/4	1/4	1/3	4/4

<b>KEHADIRAN AHLI MAJLIS SEPANJANG BULAN JANUARI HINGGA JUN</b>							
<b>BIL</b>	<b>NAMA PENERIMA ELAUN</b>	<b>JAN</b>	<b>FEB</b>	<b>MAC</b>	<b>APR</b>	<b>MEI</b>	<b>JUN</b>
24	Pn. Siti Nor Eaini binti Nasuka	3/3	2/4	2/3	2/5	1/4	3/4
25	En. Yunis Khalis bin Abdul Manap	3/3	5/5	3/3	6/6	4/4	4/4
26	En. Mohd Yasin bin Alwi (Timbalan YDP)	6/12	4/14	6/7	12/12	13/13	12/12

Butiran kegunaan peruntukan adalah seperti di **Lampiran A**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N52 BANTING)**

**TAJUK : GERAN KECIL ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU**

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Geran kecil alam sekitar dan teknologi hijau telah dilancarkan tidak lama dahulu. Berapa banyak peruntukan telah diperuntukkan? Siapakah penerima geran kecil tersebut dan apakah cara-cara penilaiannya?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Program Geran Kecil Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Selangor mula dilaksanakan pada tahun 2018 sebagai usaha untuk menangani masalah alam sekitar seperti pemanasan global, pencemaran udara, pencemaran air, banjir kilat serta kepupusan flora dan fauna yang semakin mendapat perhatian masyarakat.

Selain itu, kesedaran mengenai kepentingan penggunaan teknologi hijau dalam kalangan masyarakat juga perlu dipertingkatkan dari masa ke semasa ke arah penggunaan tenaga yang lebih cekap, mesra alam dan boleh diperbaharui.

Peruntukan Geran Kecil Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Selangor Tahun 2018 adalah sebanyak RM750,000.00. Sebanyak 52 permohonan Program Geran Kecil Alam Sekitar telah diterima pada tahun 2018 dengan jumlah permohonan sebanyak RM244,357.00. Manakala, Program Geran Kecil Teknologi Hijau telah memanfaatkan sebanyak 46 penerima pada tahun 2018 dengan jumlah permohonan sebanyak RM420,726.80.

Peruntukan bagi Geran Kecil Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Selangor Tahun 2019 masih kekal sebanyak **RM750,000.00**. Pemberian geran terhad adalah kepada 50 buah organisasi/ persatuan sahaja bagi setiap kategori. Pecahan peruntukan seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>GERAN KECIL</b>	<b>PECAHAN PERUNTUKAN</b>
1.	Alam Sekitar	i) Jumlah Geran: <b>RM250,000.00</b> ii) Terhad kepada RM5,000.00 bagi setiap organisasi/ persatuan
2.	Teknologi Hijau	i) Jumlah Geran : <b>RM500,000.00</b> ii) Terhad kepada RM10,000.00 bagi setiap organisasi/ persatuan

Antara organisasi/ persatuan yang boleh membuat permohonan adalah Persatuan Penduduk, Sekolah, Institusi Pengajian Tinggi, Organisasi Keagamaan, Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Koperasi Pengurusan Bersama (JMC).

Pemohon Geran Kecil Alam Sekitar dan Teknologi Hijau perlu mematuhi kriteria yang telah ditetapkan. Kesemua permohonan ini akan melalui semakan dan kelulusan daripada Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi Dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Selangor. Senarai penerima Geran Kecil Alam Sekitar bagi tahun 2019 adalah seperti di **LAMPIRAN A** dan Geran Kecil Teknologi Hijau adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

## SENARAI PENERIMA GERAN KECIL ALAM SEKITAR 2019

BIL.	SENARAI PENERIMA GERAN KECIL	PELAKSANAAN PROGRAM/ PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
1	SK Sungai Udang	Program Sekolah Lestari	5,000.00
2	Universiti Teknologi Mara Cawangan Selangor	Penanaman Pokok Nipah Untuk Kelestarian Sg. Kajang, Tanjung Karang	5,000.00
3	SJKC Tiong Nam	Program Penanaman Pokok Dan Landskap	5,000.00
4	International Islamic University Malaysia	Planting And Smart Tagging Trees Project Using Augmented Reality Application For A Malay Enclave In Iium	5,000.00
5	SMK Raja Mahadi	Taman Landskap Sekolah	5,000.00
6	Persatuan Ibu Bapa Guru SK Jalan Empat	Integrasi Projek Pertanian Menggunakan Kaedah Fertigasi Dengan Media Semaian Jeps	5,000.00
7	Persatuan PIBG SJKC Bandar Sungai Long	Program Kebunku	5,000.00
8	Institut Alam Sekitar Dan Pembangunan (Lestari) UKM	Program Penjelajahan Alam Sekitar	5,000.00
9	PIBG - Guru SMK USJ 13	Program Vaksin Bumi	5,000.00
10	PIBG SJKC Sin Bin	Jom Bersihkan Pantai	5,000.00
11	SAM Sungai Haji Dorani	Menanam Pokok Bakau	5,000.00
12	Sekolah Rendah Agama Integrasi Pekan Beranang	Projek Bumi Hijau	5,000.00
13	Sekolah Rendah Agama Sungai Sekamat	Keindahan Taman Syurga	1,000.00
14	SRA Bukit Belimbing	Program Pembudayaan Amal Khair	5,000.00
15	New Era University College	Listen To Ocean	5,000.00
16	Universiti Tunku Abdul Rahman	Kitar Semula Sisa Buangan	4,800.00
17	Universiti Putra Malaysia	Kaedah Pemudahcaraan Untuk Penerapan Nilai Alam Sekitar Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah	5,000.00

<b>BIL.</b>	<b>SENARAI PENERIMA GERAN KECIL</b>	<b>PELAKSANAAN PROGRAM/ PROJEK</b>	<b>JUMLAH PERUNTUKAN (RM)</b>
18	Universiti Tunku Abdul Rahman	Recycling Of One Time Usage Clam Shell (Lunch Box) Polypropylene Disposable Food Packaging Found In The Market To Fabricate Degradable Flower Pot For Nursery Application	4,500.00
19	Surau Al-Mawaddah	Pendidikan Alam Sekitar	200.00
20	Surau Al-Firdaus	Program Penanaman Pokok Dan Pengindahan Kawasan Surau	5,000.00
21	Surau Al-Firdaus	Program Kitar Semula Minyak Masak Terpakai	5,000.00
22	Kinrara Metta Buddhist Society	Kebun Herba Kmbs	5,000.00
23	Surau Alabqari	Program Kesedaran Alam Sekitar Dan Projek Kitar Semula Sisa Pepejal	5,000.00
24	Masjid Lama Batu 6	Program Kesedaran Alam Sekitar Untuk Jemaah Masjid Dan Penduduk Sekitar	5,000.00
25	Persatuan Penduduk BSL Seksyen 9 Ascot	Penanaman Semula Pokok	5,000.00
26	Persatuan Steam Malaysia	Sains Ventura	5,000.00
27	Persatuan Penghuni Dan Pemilik Rumah Damansara Jaya	Urban Farm Upgrade Project	5,000.00
28	Persatuan Penduduk Perumahan Inai	Pusat Kitar Semula Pppi Dan Hari Kitar Semula	2,000.00
29	Persatuan Penduduk Taman Perumahan Jalan Tanjung Medan 30/235	Penanaman Pokok	5,000.00
30	Persatuan Penduduk Puspasari Jalan 3/6 J+ 3/6 K	Alam Sekitar-Penanaman Pokok	2,500.00
31	Persatuan Penduduk Bangi D7	Persekitaran Hijau Dan Lestari	2,500.00
32	Pusat Kecemerlangan Pendidikan Ummah	Cabaran Lestari Alam 2.0	5,000.00

<b>BIL.</b>	<b>SENARAI PENERIMA GERAN KECIL</b>	<b>PELAKSANAAN PROGRAM/ PROJEK</b>	<b>JUMLAH PERUNTUKAN (RM)</b>
33	Persatuan Penduduk Taman Bukit Jelutong Shah Alam (Bjra)	Pendidikan Dan Kesedaran Komuniti Menuju Kemampanan (Sustainability) Untuk Menentang Perubahan Iklim	5,000.00
34	Persatuan Penduduk Seksyen 12	Alam Sekitar -Penanaman Pokok	2,500.00
35	Persatuan Penduduk Seksyen 3 Petaling Jaya	Kitar Semula Minyak Masak	5,000.00
36	Persatuan Penduduk Jalan 4/6, 4/6a Hingga 4/6e Bandar Baru Bangi	Program Pemuliharaan Dan Pemeliharaan Anak Sungai Dan Persekitaran Tebing Anak Sungai Di Jalan 4/6a, Seksyen 4, Bandar Baru Bangi	2,500.00
37	Persatuan Bomba Dan Penyelamat Sukarela Klang	Membina , Menceria Dan Mengindahkan Rumah Tong Sampah	5,000.00
38	Persatuan Pemilik Dan Penduduk Tari	Tari Go Green	5,000.00
39	Pertubuhan Sisa Hijau Selangor (Green Waste Selangor)	Green-Pan Recycle	5,000.00
40	Persatuan Siswazah Warisan	Ombak Rindu	2,500.00
41	The Marecet Research Organization	Whales On-The-Wheels - A Marine Education Mobile Event For Selangor Coastal School Communities	5,000.00
42	Persatuan Tindakan Alam Sekitar Kuala Langat	Cara Pendekkan Masa Beragi Buangan Dari Kilang Makanan/Sampah-Sampah Organik Guna Sisa Tebu/ Cecair Enzyme/ "Effective Microorganisms Dari Sekam Beras	5,000.00
43	Persatuan Pendidikan Waldorf Selangor	Bengkel Kesedaran Alam Sekitar Dan Pengurangan Sisa Dapur	5,000.00
44	Pusat Psikologi Dan Rehabilitasi Atfal Jannah	Oku Hijau	5,000.00
45	Persatuan Bekas Murid Murid Sekolah Pay Fong Malaysia Tengah	Tamadun Ekologi Dan Membina Malaysia Yang Indah	5,000.00

<b>BIL.</b>	<b>SENARAI PENERIMA GERAN KECIL</b>	<b>PELAKSANAAN PROGRAM/ PROJEK</b>	<b>JUMLAH PERUNTUKAN (RM)</b>
46	Persatuan Penduduk Taman Setia Warisan	Jiwa Hijau Di Hati Komuniti Kita	5,000.00
47	Persatuan Alam Sekitar Greater Melawati Kuala Lumpur (Society Of Eco Greater Melawati - Seegem)	Society Of Eco Greater Melawati Environmental Cosnervation, Protection And Rejuvenation Programme (Seegem E-Cpr 2019)	5,000.00
48	JMB Pangsapuri Sri Bakawali	Penanaman Pokok	5,000.00
49	KRT Taman Saujana Utama	Alam Sekitar	5,000.00
50	Pertubuhan Belia Wawasan Rimau Indah	Pangsapuriku Kesayanganku Ceria Dan Indah	5,000.00
51	Badan Pengurusan Bersama (JMB) Orchis Apartment	Pusat Kitar Semula	5,000.00
52	Pangsapuri Blok Mawar & Cempaka	Kitar Semula Sisa Buangan	5,000.00
53	Badan Pengurusan Bersama Halamanda	Program Pendidikan Alam Sekitar Halamanda	5,000.00
54	Badan Pengurusan Bersama Pangsapuri Villa Tropika	Program Kitar Semula & Projek Taman Hijau Tropika	5,000.00
55	Urban 360 JMB	Penanaman Dan Pemuliharaan Pokok Di Kondominium Urban 360	5,000.00
<b>JUMLAH (RM)</b>			<b>250,000.00</b>



## SENARAI PENERIMA GERAN KECIL TEKNOLOGI HIJAU 2019

BIL.	SENARAI PENERIMA GERAN KECIL	PELAKSANAAN PROGRAM/ PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
1	Universiti Putra Malaysia	Penghurai Anaerobik	10,000.00
2	Kolej Universiti New Era	Penggunaan Lampu Led Di Dewan Serbaguna	10,000.00
3	Universiti Teknologi Mara	Penggalakan Penggunaan Teknologi Hijau: Daripada Tenaga Matahari Kepada Tenaga Elektrik	10,000.00
4	Persatuan Ibu Bapa Dan Guru Sekolah Rendah Kebangsaan Methodist	<i>Go For Led, Save The World!</i>	10,000.00
5	Sekolah Menengah Kebangsaan Pendamaran Jaya	Penjimatan Tenaga : Penggunaan Lampu Led	9,900.00
6	SK Sungai Udang	Penanaman Poko Sayuran Dengan Hlt(Hygrowpot Link Technique) Solar	5,000.00
7	SMK (P) Bukit Kuda	Gotong Royong Menceriakan Kawasan Sekolah	6,000.00
8	SMK Tinggi Klang	Penuaian Dan Penggunaan Semula Air	10,000.00
9	PIBG SMK Sultan Abd. Samad	Pengumpulan Air Hujan Dengan Menggunakan Sistem Pengumpulan Dan Penggunaan Semula Air Hujan	9,450.00
10	Sekolah Kebangsaan Bukit Ceraka	<i>Empowering Green Technology - Gen Alpha 4.0</i>	9,000.00
11	Universiti Selangor (Unisel)	Geran Kecil Alam Sekitar Dan Teknologi Hijau	10,000.00
12	Persatuan Ibu Bapa-Guru SMK USJ13	Program Zero Waste	10,000.00
13	SMK Ungku Aziz	Projek Fertigasi Ppki Smk Ungku Aziz	10,000.00
14	Universiti Kebangsaan Malaysia	Smart Foodies	10,000.00
15	Universiti Tunku Abdul Rahman	Ecological Floating Treatment Wetlands: An Innovative Integrated Lightweight Foam Concrete System For Stormwater Quality Applications	9,850.00

<b>BIL.</b>	<b>SENARAI PENERIMA GERAN KECIL</b>	<b>PELAKSANAAN PROGRAM/ PROJEK</b>	<b>JUMLAH PERUNTUKAN (RM)</b>
16	PIBG SMK Darul Ehsan	Projek Sistem Penuaian Air Hujan Amirul Mukminin	7,250.00
17	Universiti Tunku Abdul Rahman	Development Of Innovative Multi-Functioned Electric Kitchen Waste Disposer	7,950.00
18	Sekolah Kebangsaan Seksyen 19	Solar Power Technology For Urban Farming & Rain Conservation	10,000.00
19	Persatuan Ibu-Bapa Dan Guru Sekolah Menengah Islam Al-Amin	Program Pendidikan Alam Sekitar, Penanaman Pokok Dan Kitar Semula Sisa Pepejal	10,000.00
20	Persatuan Iububapa Dan Guru Sekolah Kebangsaan Raja Muda (Integrasi)	Projek Kompos Sisa Makanan Dan Bahan Kitar Semula Di Kantin Sekolah	10,000.00
21	Surau Assaadah	Pemasangan Lampu Solar Di Dewan Surau Dan Kawasan Dinding Surau	10,000.00
22	National Society Of St.Vincent De Paul	Membekal Dan Memasang Solar Water Heater	10,000.00
23	Surau Al-Firdaus	Pemasangan Lampu Led Bangunan Surau Al-Firdaus	7,800.00
24	Masjid Darul Muttaqin Sungai Udang	Cadangan Sistem Penuaian Air Hujan Sebagai Sumber Air Alternatif Dan Langkah Langkah Mengurangkan Perbelanjaan Kos Bulanan Bil Air Masjid	9,800.00
25	Persatuan Penduduk Apartment Rakyat Blok E	Pemasangan Lampu Solar Di Kawasan Pentas,Siar Kaki Dan Pejabat Persatuan Penduduk	10,000.00
26	Persatuan Penduduk Pangsapuri Anggerik Taman Puchong Prima Puchong	Cadangan Untuk Penjimatan Tenaga Memasang Lampu Solar, Lampu Bangunan & Kecemasan Led	10,000.00
27	Pertubuhan Rumah Anak Yatim Kristian Selangor	Membekal Dan Memasang Solar Water Heater	10,000.00
28	Persatuan Penduduk Ss20 Zon Sentral	Program Tenaga Boleh Baharu	2,500.00
29	Kelab Sosial Dan Rekreasi Mentari Klang, Selangor	Myhome 2.0: Pergerakan Sivik Terhadap Masyarakat Karbon Rendah Dan Tindakan Perubahan Iklim Di Perkampungan Nelayan Selangor	10,000.00

<b>BIL.</b>	<b>SENARAI PENERIMA GERAN KECIL</b>	<b>PELAKSANAAN PROGRAM/ PROJEK</b>	<b>JUMLAH PERUNTUKAN (RM)</b>
30	Persatuan Penduduk USJ 22	Program Pemasangan Sistem Solar Pv (Photovoltaic)	10,000.00
31	Persatuan Penduduk Bu11 Hatiria Bandar Utama	Solar Power Technology To Improve Bu11 Residential Security And Safety, And To Reduce Carbon Footprint	10,000.00
32	Persatuan Permastautin Bandar Utama ,Bahagian 12,Petaling Jaya ,Selangor	Solar Power Technology Light To Improve Bu12 Residential Security And Safety, And To Reduce Carbon Footprint	10,000.00
33	Persatuan Penyokong Tenaga Suria Selangor	Pengenalan Tenaga Suria Dalam Pertanian Moden	10,000.00
34	Persatuan Rasio Anak Wilayah	Kenali Bumi Kecil Kita 2019	10,000.00
35	Persatuan Penduduk Kejiranan Taman Kasih Kajang Selangor	Projek Papan Tanda Taman	5,500.00
36	Persatuan Kebajikan Orang Orang Tua Bahagia Selangor	Membekal Dan Memasang Solar Water Heater	10,000.00
37	Persatuan Penduduk Bu2 Bandar Utama	Lampu Jalan Solar	10,000.00
38	Persatuan Penduduk Rumah Teres Seksyen 24 Setia Alam, Shah Alam, Selangor	Penuaian Air Hujan Dan Penjimatan Tenaga	10,000.00
39	Persatuan Penduduk Sp4/19-Sp4/23 (Pearl Vila) Bandar Saujana Putra	Program Klisbuzzing Dan Pemasangan Solar	10,000.00
40	Persatuan Penduduk Jalan Tuntung Seksyen 20, Shah Alam	Teknologi Hijau Selangor 2019	10,000.00
41	Kelab Kebun Komuniti Usj12	Projek Solar Dan Air Hujan	10,000.00
42	Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Dan Oku Mesra Petaling Jaya	Membekal Dan Memasang <i>Solar Water Heater</i>	10,000.00
43	Pertubuhan Al-Khaadem, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Selangor Darul Ehsan	Membekal Dan Memasang Solar Water Heater	10,000.00
44	Persatuan Kebajikan Rakan Lutheran Selangor	Membekal Dan Memasang Solar Water Heater	10,000.00
45	JKKK Kampung Kwan Tung Baru	Cadangan Untuk Memasang Lampu Solar/Led Di Kampung Kwan Tung Baru	10,000.00

<b>BIL.</b>	<b>SENARAI PENERIMA GERAN KECIL</b>	<b>PELAKSANAAN PROGRAM/ PROJEK</b>	<b>JUMLAH PERUNTUKAN (RM)</b>
46	Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Baru Sri Berjantai	Memasang Lampu Solar Bersama Tiang	10,000.00
47	JMB Apartment Rakyat Blok E	Pemasangan Solar Di Tingkat Bangunan Apt Rakyat	10,000.00
48	Perbadanan Pengurusan Pusat Perniagaan Sri Ehsan (Blok 1)	Naik Taraf Lampu Led Dan Pemasangan Pemasa Pintar	5,000.00
49	Perbadanan Pengurusan Pusat Perniagaan Sri Ehsan (Blok 2)	Naik Taraf Lampu Led Dan Pemasangan Pemasa Pintar	5,000.00
50	Badan Pengurusan Bersama Pangsapuri Angsana	Penggantian Lampu Led Di Kawasan Blok 1, 2 & 3	10,000.00
51	JMB Taman Seri Bayu Blok A1	Penggantian Lampu Led	10,000.00
52	JKKK Kampung Kenangan 18 Hulu Langat	Pemasangan Lampu Led Di Balairaya Kg Kenangan 18 Hulu Langat	10,000.00
53	JKKK Kampung Baru Bukit Angkat	Cadangan Untuk Memasang Lampu Solar Di Sekitar Balairaya Serta Menggantikan Lampu Led Pada Gelanggang Bola Keranjang Di Kg. Baru Bukit Angkat	10,000.00
54	MPKK Kg Budiman, Shah Alam Selangor	Pemuliharaan Air Untuk Penduduk Kg Budiman	10,000.00
<b>JUMLAH (RM)</b>			<b>500,000.00</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : PENCEMARAN UDARA DI SG AUR**

103. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Terdapat banyak aduan bahawa pembuangan sampah sepanjang Sg Aur, Klang. Ini telah mengakibatkan pembakaran terbuka di kawasan tersebut. Apakah tindakan dari MPK untuk menangani masalah ini?
- b) Adakah MPK akan menghantar penguatkuasa untuk meronda di kawasan yang telah diambil tindakan untuk memastikan tiada kegiatan haram berterusan?
- c) Apakah tindakan terhadap penceroboh ke atas tempat telah MPK letak garis kuning?

**JAWAPAN:**

- a) Majlis Perbandaran Klang bersama Jabatan Bomba telah menjalankan operasi pembersihan dan pemadaman api di kawasan tersebut pada 3 Julai 2019.
- b) Pihak Majlis akan menjalankan pemantauan dengan lebih kerap di kawasan tersebut bagi mengelakkan kejadian yang sama berulang.
- c) Jika pelaku dapat dikesan, pihak Majlis boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak yang menceroboh kawasan yang telah diletak garis kuning.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : PROJEK LRT3**

104. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Projek LRT 3 dalam pembinaan di sepanjang Jalan Langat Klang. Akan tetapi kawasan sekitar di jalan tersebut tidak diselenggara dan tiada pantauan dari JKR telah mengakibatkan rumput panjang, jalan berlubang, lampu isyarat tidak berfungsi dengan sempurna dan lain-lain. Apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak JKR untuk memastikan kawasan projek boleh diselenggara dengan sempurna?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak JKR Daerah sentiasa melaksanakan pemantauan dan memaklumkan kepada pihak Kontraktor Projek LRT3 sama ada melalui perbincangan, surat rasmi dan juga aplikasi '*whatapps*' bagi memastikan penyelenggaraan rutin dan aduan dapat ditangani dengan pantas dan berkesan.

Daripada pemantauan yang telah di buat sepanjang Jalan Kuala Langat, adalah didapati pihak LRT3 sentiasa mematuhi dan melakukan kerja-kerja penyelenggaraan seperti yang diperuntukkan di dalam kontrak. Selain itu, pihak LRT3 juga ada menyediakan *Emergency Respond Team* (ERT) bagi menyelesaikan sebarang aduan .

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : RUMAH/KAWASAN LAPANG TERBIAR**

105. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) kebelakangan ini terdapat banyak rumah/kawasan lapang terbiar menjadi hutan dan tidak diselenggara dengan baik. Adakah Kerajaan boleh menyita rumah/tanah tersebut jika pihak tersebut tidak membersihkan selepas menerima notis beberapa kali?
  
- b) Adakah PBT dapat membersihkan selepas menerima aduan?

**JAWAPAN:**

**JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA SEKSYEN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPBT), UPEN**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : PERUNTUKAN UNTUK KAMPUNG BARU CINA**

106. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan untuk pembangunan Kampung Baru Cina?
- b) Berapakah yang telah dipohon pada tahun ini?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Pada tahun 2019, sebanyak RM5 juta telah diperuntukkan bagi projek-projek pembangunan kampung baru di Negeri Selangor di mana peruntukan dibahagikan kepada Projek Naiktaraf Catwalk, Projek Naiktaraf Dewan, Projek Naiktaraf Jalan dalam kampung dan Program Kemasyarakatan seperti pertandingan Bola Keranjang antara Kampung Baru, Program Menghiasi Rumah sempena Sambutan Tahun Baru Cina dan program gotong-royong mega.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : BAS SMART SELANGOR**

107. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Majlis Perbandaran Klang dapat menambah satu laluan bas Smart Selangor di Pandamaran? Nyatakan sebab-sebab jika tidak.

**JAWAPAN:**

- a) Buat masa ini, pihak Majlis tidak dapat menambah laluan ke Pandamaran kerana kekangan dari segi peruntukkan dan pada tahun 2019 ini terdapat 2 laluan baru yang akan beroperasi iaitu:-
- i) Laluan 3 ( Andalas - ke Bandar Klang dan Andalas ke Bandar Putera ) - peruntukan dari Kerajaan Negeri.
  - ii) Laluan 4 ( Meru - Kapar ) peruntukan dari Majlis Perbandaran Klang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM**

108. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah polisi Kerajaan terhadap rumah ibadat selain Islam yang dibina di tempat yang tidak dibenarkan?

**JAWAPAN:**

- a) Rumah ibadat selain Islam yang dibina di kawasan tidak dibenarkan merupakan rumah ibadat yang tiada kelulusan pelan pembangunan dan tidak berdaftar kerana tapak tersebut tidak diperuntukkan sebagai rizab bagi tujuan rumah ibadat selain Islam. Sebarang pembinaan struktur yang tidak selaras dengan guna tanah yang ditetapkan, adalah dianggap tidak selaras dengan gunatanah yang diwartakan mengikut Rancangan Tempatan. Perletakan struktur rumah ibadat yang tidak mematuhi Garis Panduan Kemudahan Keagamaan bagi rumah ibadat selain Islam juga dapat dilihat dari aspek rekabentuk struktur serta gunatanah persekitaran.

Dalam pada itu, sebarang rumah ibadat selain Islam yang telah dibina sebelum tahun 2008 diberi pertimbangan untuk dikekalkan tertakluk kepada tatacara pihak berkuasa atau dipindahkan ke kawasan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Pemilik atau pihak pengurusan struktur hendaklah menyelesaikan isu tanah serta mendapatkan kelulusan struktur berkenaan sebelum rumah ibadat tersebut dapat didaftarkan. Rumah ibadat yang tidak mematuhi aspek gunatanah, tidak mendapat kelulusan struktur serta menimbul kacauganggu disyorkan untuk tindakan penguatkuasaan mengikut peruntukan undang-undang bagi setiap kesalahan yang dilakukan.

Kertas pertimbangan bagi tindakan perobohan/ penguatkuasaan juga akan diangkat untuk pertimbangan Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam sebelum diputuskan di peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Sebarang tindakan perobohan/ penguatkuasaan akan menggunakan Garis Panduan Tatacara Penguatkuasaan ke Atas Rumah Ibadat Selain Islam dan Tempatan Penyembahan di Bina Tanpa Kebenaran di Negeri Selangor yang telah berkuatkuasa mulai 1 Februari 2014.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : PANGSAPURI PERKHIDMATAN & PANGSAPURI**

109. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan bilangan unit pangsapuri perkhidmatan (termasuk SOHO) yang diluluskan oleh MBPJ dan MPSJ pada tahun 2018.
- b) Nyatakan bilangan unit pangsapuri (harga bebas, bukan Rumah Selangorku) yang diluluskan oleh MBPJ dan MPSJ pada tahun 2018.

**JAWAPAN:**

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**

- a) Bilangan unit pangsapuri perkhidmatan (termasuk SOHO) yang diluluskan oleh MBPJ pada tahun 2018 :

- Pangsapuri Perkhidmatan = 6,286 unit
- **SOHO** = 554 unit
- **SOFO** = 382 unit
- Jumlah keseluruhan** = **7,222 unit**

- b) Bilangan unit pangsapuri (harga bebas, bukan Rumah Selangorku) yang diluluskan oleh MBPJ pada tahun 2018 : **2,052 unit**

**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

- a) Bilangan unit pangsapuri perkhidmatan (termasuk SOHO) yang diluluskan oleh MPSJ pada tahun 2018 adalah seperti berikut:

<b>ZON</b>	<b>UNIT SOHO</b>
Subang / USJ	234
Subang Hi Tech	319
Putra Heights	-
Kinrara	-
Puchong	-
Bandar Putra Permai	-
Seri Kembangan	-
<b>JUMLAH</b>	<b>553</b>

- b) Bilangan unit pangsapuri (harga bebas, bukan Rumah Selangorku) yang diluluskan oleh MPSJ pada tahun 2018 adalah seperti berikut:

<b>ZON</b>	<b>UNIT PANGSAPURI</b>
Subang / USJ	331
Subang Hi Tech	836
Putra Heights	-
Kinrara	721
Puchong	1484
Bandar Putra Permai	1060
Seri Kembangan	-
<b>JUMLAH</b>	<b>4432</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : BAS SELANGORKU**

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan bilangan bas yang digunakan bagi setiap laluan di Selangor.
- b) Nyatakan bilangan pengguna bas bagi setiap laluan di Selangor pada tempoh Januari hingga Jun 2019.

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah bilangan bas yang digunakan bagi setiap laluan di Selangor adalah seperti berikut:-

BIL	PBT	LALUAN		JUMLAH BAS
1	MBSA	SA01	Stesen Komuter, Seksyen 19 – Seksyen 7	4
		SA02	Hentian Pusat Bandar, Seksyen 14 – Komuter Batu 3	6
		SA03	(A) Komuter Shah Alam – Seksyen 18 – Seksyen 24 – Seksyen 19 (B) Komuter Shah Alam – persiaran Sultan (Seksyen 19) – Persiaran Jubli Perak (Seksyen 19) – Poliklinik Seksyen 19 – Seksyen 20 - KPJ Shah Alam – Pusat Komersil Seksyen 20 – Komuter Seksyen 19	4
		SA04	Terminal Seksyen 17 – Komersil Seksyen 7	4
		SA05	Seksyen 13 – SJKC Subang	4
		SA06	Stesen Komuter, Seksyen 19 ke Kota Kemuning melalui Taman Sri Muda	4
2	MPSJ	SJ01	KTM Subang – Stesen BRT 7	4
		SJ02	LRT Pusat Bandar Puchong – IOI Mall – Sunway Medical Centre – Sunway Pyramid – Kompleks 3C – LRT SS18 – Kolej Inti – Skypod Residence – LRT Pusat Bandar Puchong	4
		SJ03	LRT BK5 – SMK Bandar Kinrara – Pasar Pagi TK3 – SMK Batu 8 – SMK Bandar Puchong Jaya – Taman Paik	4

BIL	PBT	LALUAN		JUMLAH BAS
			Siong – Kinrara Court – LRT BK5	
		SJ04A	(A) – KTM Serdang – Jalan Besar, Seri Kembangan - Taman Kembang Sari - Serdang Jaya - Seri Serdang – UPM – Hospital Serdang	3
		SJ04B	(B) : Pangsapuri Kg Aman – Stadium Tertutup MPSJ Jalan 7/1	1
		SJ05	Jalan SK6/1 - Taman Bukit Serdang - Taman Serdang Jaya - Taman Universiti Indah - Taman Pinggiran Putra	4
3	MPK	MPK1	Pusat Bandar – Persiaran Raja Muda Musa – Persiaran Ampuan Rahimah – Jalan Raya Barat	4
		MPK2	Pusat Bandar – Taman Eng Ann – Batu Belah – Jalan Meru	4
		MPK3	Hub 1 Taman Sri Andalas – Kampung Jawa – Pusat Bandar	4
			Hub 2 Bandar Putera – Jalan Sungai Jati – Taman Sentosa	
		MPK4	Klang Sentral – Pekan Meru – Persiaran Hamzah Alang – Pekan Kapar	2
4	MPAJ	AJ01	Taman Ukay Perdana – Taman Melawati	4
		AJ02A	Sri Nilam – Taman Cahaya – Sri Nilam	2
		AJ02B	Sri Nilam – Hospital Besar Ampang	2
		AJ03	LRT Cempaka – Taman Bukit Teratai	3
		AJ04	Pandan Perdana – Hospital Ampang	3
5	MPKJ	KJ01	Bandar Kajang - Kompleks Hentian Kajang	4
		KJ02	Komuter Bangi – Bandar Seri Putra – Bandar Bukit Mahkota	2
		KJ03	Stesen MRT BTHO – Cheras Perdana – Taman Tun Perak	2
		KJ04	Hentian Kajang – Dataran Gemilang, Putrajaya	3
		KJ05	Hentian Kajang – Pusat Bandar Bangi	2
6	MPS	MPS1	Selayang Mutiara – LRT Gombak	6
		MPS2	Tesco Rawang – Hentian Bas Rawang	4
		MPS3	Batu Arang – KTM Sungai Buloh	4

BIL	PBT	LALUAN		JUMLAH BAS
7	MPSP	SPG1	Tanjung Sepat – Sungai Pelek – KLIA – KLIA2 – ERL Salak Tinggi	4
		SPG2	Taman Seroja – BBST – ERL Salak Tinggi – KLIA – KLIA2	2
		SPG3	Pusat Penjaja Taman Seroja – Jenderam Hulu – Pekan Dengkil – Cyberjaya	2
		SPG4	Pusat Penjaja Taman Seroja – Jenderam Hilir – Sg. Merab – Hospital Serdang	2
8	MDKL	BTG1	Bandar Banting – Mitsui Outlet Park – KLIA2 – ERL Salak Tinggi	2
		BTG2	Bandar Banting – MDKL – Hospital Banting / IPD Kuala Langat – Taman Banting Baru – Bandar Banting	2
9	MDKS	KS01	Kuala Selangor – Sekinchan	2
		KS02	Puncak Alam – Saujana Utama – KTM/MRT Sungai Buloh	3
10	MDSB	SB01	Sekinchan – Sungai Besar – Sabak Bernam	2
		SB02	Sabak Bernam – Sg. Air Tawar – Sg. Lang – Pekan Parit Baru	1
		SB03	Pekan Sabak Bernam – Pekan Bagan Terap – Terminal Rakyat Merbau Berdarah, Sg. Panjang	1
11	MDHS	HS01	Kuala Kubu Bharu – Bukit Sentosa	2
		HS02	Batang Kali – Antara Gapi	2
		HS03	Bukit Sentosa – Bandar Sungai Buaya	1
<b>JUMLAH</b>		<b>41</b>		<b>129</b>

b) Jumlah bilangan pengguna bas setiap laluan di Selangor pada tempoh Januari hingga Jun 2019 adalah seperti berikut:-

BIL	PBT	LALUAN		JUMLAH PENGGUNA
1	MBSA	SA01	Stesen Komuter, Seksyen 19 – Seksyen 7	530,312
		SA02	Hentian Pusat Bandar, Seksyen 14 – Komuter Batu 3	296,316

BIL	PBT	LALUAN		JUMLAH PENGGUNA
		SA03	(A) Komuter Shah Alam – Seksyen 18 – Seksyen 24 – Seksyen 19 (B) Komuter Shah Alam – persiaran Sultan (Seksyen 19) – Persiaran Jubli Perak (Seksyen 19) – Poliklinik Seksyen 19 – Seksyen 20 - KPJ Shah Alam – Pusat Komersil Seksyen 20 – Komuter Seksyen 19	283,982
		SA04	Terminal Seksyen 17 – Komersil Seksyen 7	164,884
		SA05	Seksyen 13 – SJKC Subang	172,703
		SA06	Stesen Komuter, Seksyen 19 ke Kota Kemuning melalui Taman Sri Muda	88,922
<b>2</b>	MPSJ	SJ01	KTM Subang – Stesen BRT 7	464,285
		SJ02	LRT Pusat Bandar Puchong – IOI Mall – Sunway Medical Centre – Sunway Pyramid – Kompleks 3C – LRT SS18 – Kolej Inti – Skypod Residence – LRT Pusat Bandar Puchong	291,951
		SJ03	LRT BK5 – SMK Bandar Kinrara – Pasar Pagi TK3 – SMK Batu 8 – SMK Bandar Puchong Jaya – Taman Paik Siong – Kinrara Court – LRT BK5	282,255
		SJ04A	(A) – KTM Serdang – Jalan Besar, Seri Kembangan - Taman Kembang Sari - Serdang Jaya - Seri Serdang – UPM – Hospital Serdang	285,227
		SJ04B	(B) : Pangsapuri Kg Aman – Stadium Tertutup MPSJ Jalan 7/1	642
		SJ05	Jalan SK6/1 - Taman Bukit Serdang - Taman Serdang Jaya - Taman Universiti Indah - Taman Pinggiran Putra	43,424
<b>3</b>	MPK	MPK1	Pusat Bandar – Persiaran Raja Muda Musa – Persiaran Ampuan Rahimah – Jalan Raya Barat	649,155
		MPK2	Pusat Bandar – Taman Eng Ann – Batu Belah – Jalan Meru	312,651
		MPK3	Hub 1 Taman Sri Andalas – Kampung Jawa – Pusat Bandar	belum beroperasi
			Hub 2 Bandar Putera – Jalan Sungai Jati – Taman Sentosa	
		MPK4	Klang Sentral – Pekan Meru – Persiaran Hamzah Alang – Pekan Kapar	Belum beroperasi



<b>BIL</b>	<b>PBT</b>	<b>LALUAN</b>		<b>JUMLAH PENGGUNA</b>
<b>4</b>	MPAJ	AJ01	Taman Ukay Perdana – Taman Melawati	272,145
		AJ02A	Sri Nilam – Taman Cahaya – Sri Nilam	118,651
		AJ02B	Sri Nilam – Hospital Besar Ampang	48,946
		AJ03	LRT Cempaka – Taman Bukit Teratai	352,603
		AJ04	Pandan Perdana – Hospital Ampang	69,675
<b>5</b>	MPKJ	KJ01	Bandar Kajang - Kompleks Hentian Kajang	415,782
		KJ02	Komuter Bangi – Bandar Seri Putra – Bandar Bukit Mahkota	225,852
		KJ03	Stesen MRT BTHO – Cheras Perdana – Taman Tun Perak	145,386
		KJ04	Hentian Kajang – Dataran Gemilang, Putrajaya	28,614
		KJ05	Hentian Kajang – Pusat Bandar Bangi	29,703
<b>6</b>	MPS	MPS1	Selayang Mutiara – LRT Gombak	541,756
		MPS2	Tesco Rawang – Hentian Bas Rawang	316,981
		MPS3	Batu Arang – KTM Sungai Buloh	1,672
<b>7</b>	MPSP	SPG1	Tanjung Sepat – Sungai Pelek – KLIA – KLIA2 – ERL Salak Tinggi	160,502
		SPG2	Taman Seroja – BBST – ERL Salak Tinggi – KLIA – KLIA2	158,204
		SPG3	Pusat Penjaja Taman Seroja – Jenderam Hulu – Pekan Dengkil – Cyberjaya	13,438
		SPG4	Pusat Penjaja Taman Seroja – Jenderam Hilir – Sg. Merab – Hospital Serdang	18,258
<b>8</b>	MDKL	BTG1	Bandar Banting – Mitsui Outlet Park – KLIA2 – ERL Salak Tinggi	162,343
		BTG2	Bandar Banting – MDKL – Hospital Banting / IPD Kuala Langat – Taman Banting Baru – Bandar Banting	37,427
<b>9</b>	MDKS	KS01	Kuala Selangor – Sekinchan	82,847
		KS02	Puncak Alam – Saujana Utama – KTM/MRT Sungai Buloh	103,814
<b>10</b>	MDSB	SB01	Sekinchan – Sungai Besar – Sabak Bernam	60,667
		SB02	Sabak Bernam – Sg. Air Tawar – Sg. Lang – Pekan Parit Baru	31,207
		SB03	Pekan Sabak Bernam – Pekan Bagan Terap – Terminal Rakyat Merbau	20,066

<b>BIL</b>	<b>PBT</b>	<b>LALUAN</b>		<b>JUMLAH PENGGUNA</b>
			Berdarah, Sg. Panjang	
<b>11</b>	MDHS	HS01	Kuala Kubu Bharu – Bukit Sentosa	104,985
		HS02	Batang Kali – Antara Gapi	23,243
		HS03	Bukit Sentosa – Bandar Sungai Buaya	14,111
<b>JUMLAH</b>		<b>41</b>		<b>7,425,587</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : INSTITUTE DARUL EHSAN (IDE)**

111. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua hasil penyelidikan dan/atau projek IDE bagi tahun 2018 dan 2019.
  
- b) Apakah jumlah perbelanjaan IDE dan berapakah hasil yang dijana selain daripada Kerajaan Negeri?

**JAWAPAN:**

**JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA INSTITUT DARUL EHSAN (IDE)**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : KILANG DAN SISA BAHAYA**

112. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua kilang yang mengeluarkan sisa berjadual yang berlesen di Selangor.
- b) Senaraikan semua kilang yang tidak berlesen yang mengeluarkan sisa berjadual.
- c) Senaraikan semua kilang yang mengeluarkan sisa radioaktif di Selangor.

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, merujuk kepada rekod Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor bagi tahun 2018, senarai kilang yang mengeluarkan sisa berjadual yang berlesen di Selangor adalah diterjemahkan melalui jumlah sisa buangan terjadual iaitu sebanyak 302,998 metrik tan buangan terjadual dihasilkan daripada 4,434 premis di Negeri Selangor. Punca-punca yang menjadi pengeluar utama buangan terjadual yang tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 dan pecahan adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>PENGELUAR</b>	<b>JUMLAH SISA BUANGAN TERJADUAL</b>
1.	Loji Rawatan Air	109,143 metrik tan
2.	Loji Janakuasa	69,015 metrik tan
3.	Bengkel	37,062 metrik tan
4.	Industri Elektrik Dan Elektronik	15,835 metrik tan
5.	Lain-Lain	89,943 metrik tan
	<b>JUMLAH</b>	<b>302,998 metrik tan</b>

Penghasilan utama buangan terjadual mengikut kod buangan terjadual *Schedule Waste* (SW) adalah seperti berikut:

BIL.	KOD SISA BERJADUAL ( <i>SCHEDULE WASTE</i> )	JUMLAH SISA BUANGAN TERJADUAL
1.	SW 204 (enapcemar yang mengandungi satu atau beberapa logam termasuklah Kromium, Kuprum, Nikel, Zink, Plumbum, Kadmium, Aluminium, Timah, Vanadium Dan Berilium)	109,143 metrik tan
2.	SW 104 (Debu, Sanga, Dros Atau Abu Yang Mengandungi Aluminium, Arsenik, Raksa, Plumbum, Kadmium, Kromium, Nikel, Kuprum, Vanadium, Berilium, Antimoni, Telurium, Talium atau Selenium Tidak Termasuk Sanga Daripada Kilang Besi dan Keluli)	73,398 metrik tan
3.	SW 305 (Minyak Pelincir Terpakai) sebanyak	35,530 metrik tan
4.	SW 409 (Bekas, Beg Atau Kelengkapan yang dilupuskan yang dicemari dengan Bahan Kimia, Racun Makhluk Perosak, Minyak Mineral Atau Buangan Terjadual)	12,606 metrik tan

- b) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Selangor hanya merekodkan kilang yang mengeluarkan sisa berjadual yang berlesen sahaja manakala kilang yang tidak dilesenkan adalah bukan di bawah bidang kuasa JAS.

Walau bagaimanapun, merujuk kepada data daripada Pejabat Tanah Galian Selangor, jumlah semua kilang yang tidak berlesen di Negeri Selangor sehingga 21 November 2018 adalah berjumlah 2,149 dan butiran terperinci berkaitan Statistik Kilang Tanpa Kebenaran di Negeri Selangor adalah seperti di **Lampiran A**.

- c) Kerajaan Negeri tidak mempunyai akses kepada data berkaitan kilang yang mengeluarkan sisa radioaktif di Negeri Selangor kerana ianya adalah di bawah bidanguasa Kerajaan Persekutuan iaitu Lembaga Perlesenan Radioaktif, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC). Menurut pihak MESTECC.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : PERTANIAN MODEN DAN TRADISI**

113. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pecahan tanah pertanian selain kelapa sawit yang dibangunkan secara teknik moden dan tradisional? Sila beri jawapan dalam ekar dan pecahan mengikut daerah.
- b) Apakah rancangan Kerajaan untuk meningkatkan pertanian moden dan hasil pertanian?

**JAWAPAN:**

- a) Pertanian tradisional tidak lagi diamalkan kerana memerlukan tenaga manusia yang banyak dengan hasil yang rendah. Walaupun masih terdapat petani yang mengamalkan aktiviti pertanian secara kecil-kecilan, elemen pertanian moden digunakan dengan penggunaan benih moden, baja, bahan organik, mikrob serta bahan-bahan kimia dan kaedah seperti teknologi fertigasi serta kaedah yang lebih menjimatkan tenaga dan pemasaran secara moden. Secara umumnya, keluasan pertanian (selain sawit dan getah) mengikut daerah adalah seperti berikut;

<b>Bil</b>	<b>Daerah</b>	<b>Keluasan pertanian (ha)</b>
1	Hulu Selangor	1,784.32
2	Kuala Selangor	11,175.45
3	Sabak Bernam	20,178.13
4	Kuala Langat	6,246.92
5	Klang	6,071.72
6	Hulu Langat	1,149.00
7	Sepang	1,615.06
8	Gombak	1,265.31
9	Petaling	216.69

- b) Kerajaan Negeri sentiasa berusaha bagi meningkatkan amalan pertanian moden hasil pertanian. Penggunaan teknologi tanaman fertigasi bagi pengeluaran sayur dan buah menjimatkan tanah dan tenaga disamping menjamin hasil yang tinggi. Selain daripada itu, teknologi pertanian tepat bagi penggunaan teknologi automasi dan jentera yang lebih cekap dengan kos yang efektif.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : PENERIMA KISS**

114. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah penerima KISS yang telah diberhentikan apabila penjajaran semula dibuat?
- b) Antara mereka yang diberhentikan, berapakah mempunyai pendapatan kurang daripada RM2000? Sila beri pecahan mengikut DUN.

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri telah membuat proses pengemaskinian maklumat penerima-penerima Program KISS bermula 15 Jun 2019 hingga 15 Julai 2019 yang bertujuan untuk memastikan manfaat program ini diterima oleh golongan yang benar-benar layak dan memerlukan. Dalam tempoh berkenaan penggunaan kad KISS telah dibekukan dan setelah proses pengemaskinian selesai, penerima KISS yang tersenarai di dalam sistem eKasih atau senarai penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) boleh menggunakan kad KISS dan terus menikmati manfaat program ini. Sehingga 19 Julai 2019 terdapat 27,986 orang penerima telah diberhentikan daripada menerima manfaat Program KISS.
- b) Setelah proses pengemaskinian selesai, didapati seramai 2,770 orang penerima sedia ada yang mempunyai pendapatan isi rumah bawah RM2,000.00 telah diberhentikan dari menerima manfaat Program KISS yang terdiri daripada :
  - i. Layak tetap melebihi kuota : 1,312 orang
  - ii. Layak tetapi telah meninggal dunia : 41 orang
  - iii. Tidak tersenarai di dalam sistem eKasih/BSH : 1,395 orang
  - iv. Tidak menepati kriteria pendapatan : 22 orang

Manakala pecahan penerima sedia ada (pendapatan isi rumah di bawah RM2,000.00) mengikut DUN pula adalah seperti berikut:-

<b>BIL</b>	<b>DEWAN UNDANGAN NEGERI</b>	<b>PENDAPATAN ISI RUMAH BAWAH RM2,000.00 (ORANG)</b>
1.	N01 SUNGAI AIR TAWAR	134

<b>BIL</b>	<b>DEWAN UNDANGAN NEGERI</b>	<b>PENDAPATAN ISI RUMAH BAWAH RM2,000.00 (ORANG)</b>
2.	N02 SABAK	80
3.	N03 SUNGAI PANJANG	16
4.	N04 SEKINCHAN	17
5.	N05 HULU BERNAM	16
6.	N06 KUALA KUBU BAHARU	24
7.	N07 BATANG KALI	66
8.	N08 SUNGAI BURONG	169
9.	N09 PERMATANG	121
10.	N10 BUKIT MELAWATI	79
11.	N11 IJOK	20
12.	N12 JERAM	14
13.	N13 KUANG	91
14.	N14 RAWANG	43
15.	N15 TAMAN TEMPLER	27
16.	N16 SUNGAI TUA	151
17.	N17 GOMBAK SETIA	22
18.	N18 HULU KELANG	27
19.	N19 BUKIT ANTARABANGSA	38
20.	N20 LEMBAH JAYA	30
21.	N21 PANDAN INDAH	15
22.	N22 TERATAI	17



<b>BIL</b>	<b>DEWAN UNDANGAN NEGERI</b>	<b>PENDAPATAN ISI RUMAH BAWAH RM2,000.00 (ORANG)</b>
23.	N23 DUSUN TUA	18
24.	N24 SEMENYIH	84
25.	N25 KAJANG	47
26.	N26 SUNGAI RAMAL	23
27.	N27 BALAKONG	18
28.	N28 SERI KEMBANGAN	14
29.	N29 SERI SERDANG	22
30.	N30 KINRARA	22
31.	N31 SUBANG JAYA	16
32.	N32 SERI SETIA	34
33.	N33 TAMAN MEDAN	132
34.	N34 BUKIT GASING	2
35.	N35 KAMPUNG TUNKU	6
36.	N36 BANDAR UTAMA	2
37.	N37 BUKIT LANJAN	24
38.	N38 PAYA JARAS	66
39.	N39 KOTA DAMANSARA	37
40.	N40 KOTA ANGGERIK	22
41.	N41 BATU TIGA	26
42.	N42 MERU	140
43.	N43 SEMENTA	34

<b>BIL</b>	<b>DEWAN UNDANGAN NEGERI</b>	<b>PENDAPATAN ISI RUMAH BAWAH RM2,000.00 (ORANG)</b>
44.	N44 SELAT KLANG	6
45.	N45 BANDAR BARU KLANG	15
46.	N46 PELABUHAN KLANG	417
47.	N47 PANDAMARAN	21
48.	N48 SENTOSA	8
49.	N49 SUNGAI KANDIS	40
50.	N50 KOTA KEMUNING	34
51.	N51 SIJANGKANG	12
52.	N52 BANTING	16
53.	N53 MORIB	22
54.	N54 TG SEPAT	44
55.	N55 DENGKIL	72
56.	N56 SUNGAI PELEK	27
57.	N/A	30
	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>2,770</b>

(Sumber data dari Selcare Management Sdn Bhd)

Hasil semakan dari jumlah berkenaan mendapati penerima asal Program KISS ini tidak menepati kriteria dan syarat-syarat kelayakan baru selain berpendapatan bulanan isi rumah bawah RM2,000.00 sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri seperti berikut:-

- i. Berdaftar sebagai pemohon Bantuan Sara Hidup (BSH) dibawah kategori pendapatan bawah RM2000.00 atau tersenarai sebagai golongan miskin atau miskin tegar di pengkalan data eKasih;
- ii. Warganegara Malaysia;

- iii. Lahir di Selangor atau menetap di Selangor melebihi tempoh 10 tahun;
- iv. Wanita Berkeluarga (berkahwin atau ibu tunggal) yang mempunyai anak/ tanggungan dibawah umur 21 tahun; dan
- v. Berpendapatan bulanan seisi rumah di bawah RM2,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : STATUS KILANG HARAM**

115. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan kilang haram mengikut PBT?
- b) Apakah pecahan industri, jenis kilang?

**JAWAPAN:**

**JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA SEKSYEN PIHAK BERKUASA  
TEMPATAN (SPBT), UPEN**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : SUMBER PENCEMARAN SUNGAI PENCALA**

116. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status kualiti Sungai Pencala di Petaling Jaya?
- b) Apakah yang menyebabkan pencemaran sungai ini dan apakah tindakan penguatkuasa terhadap pencemar?
- c) Apakah sasaran penambahbaikan kualiti air sungai ini dalam tahun akan datang?

**JAWAPAN:**

**JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR**

- a) Status kualiti Sungai Pencala adalah tercemar dengan bacaan Water Quality Index (WQI) yang terkini ialah 42. Sungai tersebut dikelaskan sebagai Kelas IV iaitu hanya sesuai untuk aktiviti pengairan sahaja. Terdapat dua stesen pemantauan kualiti air di sungai tersebut.

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**

- b) Di dalam menambah baik usaha penguatkuasaan ke atas masalah pembuangan sisa makanan ke dalam longkang, Majlis telah mensyaratkan (wajib) pemasangan alat perangkap minyak dan lemak (*oil & grease trap*) di sinki dan tempat-tempat membasuh peralatan penyediaan makanan di setiap premis makanan. Tindakan kompaun boleh dikenakan ke atas kegagalan pematuhan oleh pemilik premis makanan dan penutupan premis makanan juga boleh diambil jika didapati kotor dan tidak bersih.

**LEMBAGA URUS AIR NEGERI SELANGOR**

- b) Sungai Pencala merupakan sungai bandar yang mengalir di sebahagian Kuala Lumpur dan Petaling Jaya di Negeri Selangor. Punca pencemaran di Sungai Pencala dikategorikan sebagai pencemaran yang pelbagai. Ini termasuklah sisa dari kawasan perumahan, aliran longkang dari kawasan komersil, sisa industri dan tapak pembuangan sampah haram di rizab sungai. Dari segi tindakan penguatkuasaan oleh Kerajaan Negeri, beberapa tindakan dan inisiatif telah diambil seperti berikut:

- i) Mengadakan perbincangan dan tindakan susulan melalui dua (2) jawatan kuasa yang ditubuhkan iaitu Mesyuarat Pasukan Petugas Lembangan Sungai Klang, Sungai Selangor dan Sungai Langat yang dipengerusikan oleh Pengarah LUAS dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai dan Pantai Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Y.B Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor;
  - ii) Melaksanakan dan mengemaskini serta tindakan bersepadu bagi inventori punca pencemaran di Sungai Penchala dan pelaksanaan Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) Sungai Klang bersama agensi-agensi berkaitan dalam memastikan kuantiti dan kualiti air sungai terpelihara;
  - iii) Menguatkuasa dan menjalankan pemantauan kawalan pencemaran melalui Peraturan-Peraturan Aktiviti Pengubahan Sumber (Selangor) 2013 dan Peraturan Kemasukan dan Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2012; dan
  - iv) Menjalankan tindakan penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi teknikal dan Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan dengan mengoptimumkan pelaksanaan undang-undang dan arahan bagi memastikan sumber air terpelihara.
- c) Bagi sasaran penambahbaikan kualiti air Sungai Penchala, kawalan pembangunan di rizab sungai perlu dilaksanakan oleh semua agensi berkaitan bagi mengelakkan pembangunan tanpa kebenaran yang menyumbang kepada risiko pencemaran. Selain itu, peranan komuniti juga amat penting sebagai contoh Friends off River di Sungai Penchala boleh diwujudkan untuk membentuk kesedaran dan kecintaan terhadap pemuliharaan sumber air dan bagi meningkatkan kualiti air Sungai Penchala kembali bersih dan lestari.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : USAHA UNTUK GOLONGAN OKU**

117. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha terkini Kerajaan Negeri untuk mengintegrasikan golongan OKU dalam masyarakat?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) merupakan satu strategi kerajaan di dalam pembangunan komuniti untuk rehabilitasi, penyamaan peluang dan integrasi sosial Orang Kurang Upaya (OKU). Ianya merupakan satu program pengintegrasian OKU ke dalam masyarakat di samping menjalani pemulihan dan latihan asas dari segi pergerakan, pertuturan, pendidikan khas dan kemahiran dalam aktiviti kehidupan harian. Seramai 2,415 daripada 81,137 (0.03%) OKU di Negeri Selangor sedang mengikuti program di 56 buah PDK di Negeri Selangor.

Bagi memastikan penglibatan masyarakat dalam bersama-sama membantu program pemulihan OKU, satu jawatankuasa yang terdiri daripada ahli komuniti setempat, ibu bapa dan petugas serta agensi-agensinya yang berkaitan berganding bahu dalam memastikan OKU dapat merasai peluang yang sama dalam meneruskan kehidupan mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : KAMPUNG BARU DAMANSARA**

118. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah rumah yang tidak mempunyai akses jalan raya?
- b) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk melengkapkan akses jalan raya kepada semua rumah?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Hasil semakan bersama Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Baru Seri Damansara, buat masa ini semua rumah di kawasan Kampung Baru Seri Damansara telah mempunyai akses jalan raya. Namun, sekiranya masih terdapat rumah yang tidak mempunyai akses jalan raya atau ingin menaiktaraf jalan raya sedia ada, mana-mana Pengerusi MPKK boleh membuat permohonan kepada Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) masing-masing.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW  
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : SELANGOR SMART CITY**

119. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini pelaksanaan Selangor Smart City yang telah dilancarkan sejak Disember 2016?
- b) Berapa banyak jumlah yang telah dibelanjakan daripada belanjawan yang diperuntukkan iaitu sebanyak RM10 juta pada 2016 dan RM27 juta pada 2017?

**JAWAPAN:**

- a) Sejak Disember 2016, Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) telah memberi tumpuan terhadap pembangunan Blueprint Smart Selangor dan ini disusuli dengan pembinaan lapisan digital yang merupakan perkara asas kepada pembangunan *Smart City* ataupun *Smart State*. Lapisan digital yang dibangunkan ini mempunyai empat (4) peringkat (rujuk pada jadual di bawah) dan di setiap peringkat ini SSDU telah menjalankan pelbagai inisiatif sama ada bertaraf rintis ataupun secara meluas:

Bil.	Peringkat	Inisiatif Yang Telah/Sedang Dilaksana
1.	Peringkat aplikasi: Fokus utama sehingga kini adalah untuk meningkatkan mutu perkhidmatan awam Kerajaan Negeri kepada rakyat	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Intelligent Response Selangor (IRS)</li> <li>2. Selangor Intelligent Transport System (SITS)</li> <li>3. Smart Selangor Parking (SSP)</li> <li>4. Citizen e-Payment (CePAT)</li> <li>5. Communities On-Line (COOL)</li> <li>6. iClean</li> <li>7. Intelligent Disaster Response System</li> </ol>
2.	Lapisan platform: Pengurusan data dan analisa data raya	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Smart Selangor Command Centre</li> <li>2. <i>Dashboard</i> pemantauan</li> <li>3. <i>Data warehousing</i></li> <li>4. Analisa data imej CCTV</li> <li>5. Analisa data trafik</li> <li>6. Analisa sentimen rakyat</li> </ol>
3.	Lapisan <i>connectivity</i>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Selangor Wide Area Network (SWAN)</li> <li>2. Wi-Fi Smart Selagor</li> <li>3. Jaringan Internet of Things (IOT)</li> </ol>
4.	Lapisan peranti ( <i>sensor</i> )	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Peranti kualiti udara</li> <li>2. Peranti kualiti air sungai</li> <li>3. Peranti di bas-bas Smart Selangor bagi memantau prestasi pemandu</li> <li>4. CCTV pemantauan aliran trafik</li> </ol>

Bil.	Peringkat	Inisiatif Yang Telah/Sedang Dilaksana
		5. Peranti kualiti udara 6. Peranti kualiti air sungai 7. Peranti di bas-bas Smart Selangor bagi memantau prestasi pemandu 8. CCTV pemantauan aliran trafik

- b) Pada tahun 2016, peruntukan RM10 juta telah dibelanjakan di mana sebahagian besarnya telah digunapakai untuk melaksana *Stakeholder Engagement* dan membangunkan Blueprint Smart Selangor.

Manakala pada tahun 2017, sebanyak RM22 juta daripada peruntukan RM27 juta telah dibelanjakan untuk membina platform dan aplikasi lapisan digital seperti yang dijelaskan di dalam jadual di atas. Selebihnya telah digunakan untuk inisiatif Wi-Fi Smart Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW  
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : PROGRAM MENINGKATKAN EKONOMI RAKYAT**

120. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri khususnya bagi menjana pendapatan tambahan rakyat selepas beberapa program IPR ditarik balik?
- b) Bagaimanakah program seperti PWB boleh dipanjangkan juga kepada kaum bapa dalam meningkatkan ekonomi keluarga?

**JAWAPAN:**

**JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA SEKSYEN SEKTORAL, UPEN**